

AHAD 29 JANUARI 2012

MUKA 18 • MINGGUAN MALAYSIA

## Dalam Negeri

### Larian sihat setiap Selasa

JOHOR BAHRU 28 Jan. - Selaras dengan usaha membudayakan cara hidup sihat, Pulau Springs Resort mengambil inisiatif menganjurkan program Larian Sihat Bersama untuk semua kakitangan resort itu pada setiap hari Selasa.

Pengurus Besar Pulau Springs Resort, Tengku Ahmad Faizal Mohamed berkata, program tersebut diadakan selepas waktu bekerja dengan semua peserta akan berlari mengelilingi padang golf sekitar resort.

Beliau berkata, larian pertama yang diadakan baru-baru ini mendapat penyertaan daripada 50 kakitangan resort

yang begitu teruja dengan pengisian aktiviti tersebut.

"Konsep larian ini dapat memberi kesedaran kepada kakitangan mengenai pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat dan memupuk semangat budaya bersukan. Malah ia dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain.

"Saya berharap program seumpama ini akan menjadi satu budaya dan akan diteruskan pada masa akan datang kerana ia memberi faedah kepada semua," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

AHAD 29 JANUARI 2012

MUKA 18 • MINGGUAN MALAYSIA

## Dalam Negeri

### Larian sihat setiap Selasa

JOHOR BAHRU 28 Jan. - Selaras dengan usaha membudayakan cara hidup sihat, Pulau Springs Resort mengambil inisiatif menganjurkan program Larian Sihat Bersama untuk semua kakitangan resort itu pada setiap hari Selasa.

Pengurus Besar Pulau Springs Resort, Tengku Ahmad Faizal Mohamed berkata, program tersebut diadakan selepas waktu bekerja dengan semua peserta akan berlari mengelilingi padang golf sekitar resort.

Beliau berkata, larian pertama yang diadakan baru-baru ini mendapat penyertaan daripada 50 kakitangan resort

yang begitu teruja dengan pengisian aktiviti tersebut.

"Konsep larian ini dapat memberi kesedaran kepada kakitangan mengenai pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat dan memupuk semangat budaya bersukan. Malah ia dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain.

"Saya berharap program seumpama ini akan menjadi satu budaya dan akan diteruskan pada masa akan datang kerana ia memberi faedah kepada semua," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.